

08/01/2003

Komanwel wujud dana bina bangunan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengumumkan penubuhan tabung khas Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) bagi membolehkan pertubuhan itu mempunyai bangunan sendiri di London.

Perdana Menteri berkata, kutipan derma bagi membeli bangunan itu bukan saja membabitkan kerajaan dan ahli perniagaan Malaysia tetapi akan juga dilakukan di negara Komanwel lain.

"Bangunan ini akan memberi pulangan kepada CPTM untuk menguruskan sekretariatnya," katanya selepas dialog CPTM di Hotel Marriot Putrajaya di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Pengerusi CPTM, Tan Sri Dr Omar Rahman, menteri kabinet selain ketua industri pelbagai sektor.

Ahli CPTM membabitkan kerajaan, sektor awam dan swasta anggota Komanwel. CPTM mempunyai pejabat di London selain pusat di negara seperti Malaysia, Botswana, Barbados, Lesotho, Namibia, St Lucia, Swaziland, Uganda dan Zimbabwe.

CPTM diwujudkan bagi meningkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta berteraskan konsep 'menang-menang' atau 'memakmurkan negara jiran'.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira dengan sambutan yang diberikan ahli perniagaan Malaysia terhadap tabung itu.

"Kerajaan akan memberikan satu juta pound manakala daripada pihak swasta kita harap dapat £3 juta ...tapi kita dapat lebih sikit daripada tiga juta...ada lagi yang belum hulurkan derma dan saya yakin mereka akan beri," katanya

Antara syarikat yang memberi jaminan untuk dana itu seperti TNB, Kumpulan Genting, Gamuda, Public Bank, Berjaya, Arab-Malaysian Bank, RHB Capital, MMC, Southern Bank, Hong Leong Group, Sapura, IOI Bhd, Maybank, Bina Puri, Puncak Niaga, KL Kepong, Road Builders dan Sime Darby.

Perdana Menteri berkata, STG11 juta diperlu untuk merealisasikan usaha membeli bangunan sendiri itu.